

**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN HARI KOPERASI  
DAN KEUSAHAWANAN SEKOLAH  
MENENGAH KEBANGSAAN (LKTP)  
KAMPUNG SERTIK**

**SMK (LKTP) KAMPUNG SERTIK  
29 SEPTEMBER 2023 (JUMAAT)  
9.00 PAGI**

Bismillahirrahmaanirrahim  
Assalamualaikum            Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terima Kasih Pengacara Majlis

## SALUTASI OLEH PIHAK PENGANJUR

1. Marilah kita semua menadahkan tangan dan mengucapkan rasa syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan izinNya, dapat kita bersama – sama dalam majlis yang cukup penting dalam agenda pembangunan modal insan para pelajar sekolah iaitu Hari

Koperasi dan Keusahawanan Sekolah 2023, Sekolah Menengah Kebangsaan (LKTP) Kampung Sertik pada hari ini.

2. Setinggi – tinggi tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat khususnya kepimpinan sekolah, para koperator yang terdiri daripada pelajar serta guru dan semua pihak yang telah

mengerah keringat dalam menjayakan program ini.

3. Di kesempatan ini ingin juga saya mengucapkan rasa penghargaan kepada pihak sekolah kerana kesudian bagi menjemput saya untuk merasmikan program pada pagi ini. Saya berasa teruja untuk melihat

kesungguhan warga sekolah ini dalam menjalankan aktivitas kesuahawan terutamanya melalui koperasi dan saya percaya aktivitas sebegini dapat membentuk kepemimpinan keushawanan yang dinamik dalam diri pelajar. Semoga mereka ini akan menjadi penyambung kepada kecemerlangan gerakan koperasi

negara yang pada masa ini adalah sektor ketiga terbesar kepada KDNK Negara.

**Para guru dan pelajar yang dikasihi sekalian,**

4. Untuk makluman, ANGKASA merupakan badan puncak gerakan

koperasi Malaysia, yang menaungi 15,315 buah koperasi dengan anggota individu seramai lebih 7.3 juta orang dengan aset terkumpul sebanyak lebih RM159.6 bilion, syer/saham terkumpul berjumlah RM16.98 bilion dan menyumbang perolehan RM45.5 bilion. Angka ini merupakan angka yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya



Koperasi Malaysia sehingga 30  
Disember 2022.

5. Angka ini termasuklah bilangan koperasi sekolah yang ada pada  
Ketika ini di mana jumlah koperasi  
sekolah adalah **2,481** buah dengan  
keanggotaan seramai **2 juta** individu,  
syer/yuran sebanyak **RM29.92 juta**, aset

RM439.02 **juta** dan perolehan **RM298.76 Juta**.

6. Dengan jumlah **2481** buah koperasi sekolah ini, suka untuk saya nyatakan bahawa sehingga ke hari ini telah ada **21 buah koperasi sekolah** yang telahpun mencapai perolehan lebih **RM1juta**. Faktor kejayaan ini didorong

oleh pelbagai perkara termasuklah kepimpinan anggota koperasi yang sentiasa mencurahkan idea haharu dan sokongan berterusan dari semua pihak yang terlibat dalam pembangunan koperasi sekolah.

7. Saya juga amat yakin perolehan koperasi sekolah secara keseluruhan

dapat ditingkatkan lagi. Ini berikutan keadaan ekonomi kita yang telah memulih dan orang ramai telah mula berbelanja. Saya menjangkakan pada tahun hadapan koperasi sekolah mampu untuk menyumbang sekurang – kurangnya **RM500 juta** kepada perolehan gerakan koperasi.

## **Para guru dan pelajar yang dikasihi sekalian,**

8. Saya pasti para guru amat menyokong segala aktiviti yang dijalankan oleh koperasi sekolah. Namun sokongan tersebut harus diperluas kepada ibu bapa dan juga komuniti setempat. Penawaran produk

harus tidak tertumpu kepada keperluan murid, malah koperasi juga boleh melangkau kepada aktiviti peruncitan dengan menawarkan barangan keperluan asas. Langkah ini bukan sahaja membuka peluang ekonomi baharu malah memperluas sumber perolehan untuk koperasi sekolah.

9. Oleh sebab itu ANGKASA membuka tawaran untuk koperasi terlibat dalam **Program Barang Asas 100 (BA100)** yang mana koperasi boleh dapatkan bekalan barangan secara dalam talian dan **ANGKASA juga menyediakan kredit pusingan sebanyak RM10,000** kepada koperasi yang memerlukan. Saya berharap

koperasi SMK Kampung sertik ini mengambil peluang untuk meningkatkan lagi perolehannya.

**10.**Perolehan dari koperasi amat membantu sebagai tajaan kepada aktiviti yang dijalankan oleh sekolah itu sendiri. Saya difahamkan koperasi juga ada menyediakan beberapa



sumbangan seperti yang melibatkan kematian, pelajar dan guru yang memerlukan dan koperasi turut **menaja 76 orang pelajar sewaktu COVID-19.**

11. Daripada ini kita dapat lihat peranan koperasi sekolah bukan hanya mencari keuntungan semata-mata,

ianya diagihkan bagi Pembangunan dan kesejahteraan warga sekolah itu sendiri.

12. Justeru saya memohon ibu bapa khususnya melalui PIBG menyokong penuh apa sahaja aktiviti yang dijalankan oleh koperasi sekolah termasuklah dari segi sokongan modal,

sokongan pembelian di koperasi sekolah dan sokongan dari segi tenaga dan juga idea yang boleh memajukan koperasi sekolah itu sendiri.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

13. Saya yakin, melalui kewibawaan warga koperasi sekolah ini serta sokongan berterusan pihak sekolah, Koperasi SMK (LKTP) Kampung Sertik Berhad mampu untuk bergerak dengan lebih jauh bagi mencatat perolehan yang lebih memberangsangkan pada tahun ini . Sekali lagi saya ingin merakamkan

ucapan terima kasih kepada pihak penganjur atas kesudian menjemput saya dalam memeriahkan lagi acara pada hari ini.

14. Dengan lafaz Bismillahirrahmannirahim, saya dengan ini merasmikan Hari Koperasi dan Keusahawanan Koperasi Sekolah SMK (LPTK) Kampung Sertik.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.